

# Kestabilan politik tarik pelabur

B.H 1- OCT 1993

Daripada Sharom Suboñ 

NEW YORK, Khamis — Kestabilan politik dan dasar kerajaan yang tetap adalah aset terpenting Malaysia yang menjadi daya tarikan pelabur asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap kepada pengu-  
rus dana serta bakal pelabur sempena pelancaran program memperkenalkan pasaran saham di Kuala Lumpur, di sebuah hotel di sini semalam, beliau menegaskan kedua-dua aset itu menjadi komoditi terpenting bagi masyarakat peniaga.


"Suasana yang tidak tetap tidak mendatangkan kebaikan kepada perniagaan. Walaupun ketika keadaan tidak begitu menguntungkan, dengan syarat ia konsisten, ahli perniagaan masih dapat bertahan," katanya.

Perdana Menteri ada di sini sejak Selasa lalu untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ke-48 dan beliau dijadual berucap di perhimpunan itu petang esok.

Dr Mahathir berkata, di Malaysia kerajaan bukan sahaja konsisten, malah sentiasa berusaha mencari jalan keluar mewujudkan suasana pelaburan yang menguntungkan.

"Sekiranya kita fikir bahawa Malaysia akan terus maju dan syarikat Malaysia akan terus menikmati keuntungan, saya tidak fikir kita terlalu optimistik.

"Kita mempunyai alasan serta rekod masa lalu yang baik dan kita berha-



DR MAHATHIR

... menguntungkan

rap pelabur akan datang dan menikmati bersama kemakmuran serta keyakinan kita," katanya.

Skop perindustrian di Malaysia masih terbuka luas dan kerajaan sudah mengambil keputusan menumpu semula pertumbuhan pasaran domestik untuk mengurangkan risiko di pasaran dunia.

Katanya, walaupun jumlah penduduk yang kecil tidak menggambarkan pasaran yang besar untuk mengimbangi kemungkinan kemerosotan dalam pasaran dunia, namun pendapatan per kapita masih rendah dan ruang untuk maju masih ada.

Beliau berkata, dengan cara itu Malaysia tidak terlalu bergantung pada pelaburan atau dagangan dari luar negara.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai prestasi ekonomi rantau Asia Pasifik serta minat pelabur yang tertumpu pada rantau itu dan me-

nurutnya, minat itu bukan tanpa justifikasi.

Katanya, ini kerana prestasi ekonomi di Asia dijangka terus berkembang dan bergerak cergas sehingga tahun depan, antaranya disebabkan perubahan yang sedang berlaku di rantau Pasifik.

Pertumbuhan ekonomi Asia akan kekal pada kadar 6.7 peratus pada tahun ini dan 6.6 peratus tahun depan.

Sementara ekonomi dunia keseluruhannya sebagaimana yang dijangkakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan berkembang di antara dua hingga tiga peratus menjelang tahun depan, negara-negara perindustrian akan berkembang pada kadar 1.7 peratus tahun depan.

Amerika Syarikat dijangka berkembang pada kadar 2.2 peratus tahun ini dan 3.4 peratus tahun depan. Keluaran bagi Jepun dianggarkan naik 3.5 peratus tahun depan, manakala bagi negara-negara Kesatuan Eropah, tiada tanda pemulihan sehingga 1994.

Bagi Malaysia, tahun ini akan menjadi tahun ketujuh berturut-turut ia mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

Perdana Menteri berkata, sejak kejayaan mencapai pertumbuhan sebanyak 5.4 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 1987, ekonomi negara menikmati pertumbuhan pada kadar 8.5 peratus pada tahun berikutnya sehingga sekarang.